



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

KETETAPAN UMUM

**PENGIRAAN JUMLAH PENDAPATAN
BAGI INDIVIDU**

KETETAPAN UMUM NO. 1/2005

TARIKH KELUARAN: 5 FEBRUARI 2005



PENGIRAAN JUMLAH PENDAPATAN BAGI INDIVIDU

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 1/2005
Tarikh Keluaran: 5 Februari 2005**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Pendahuluan	1
2. Interpretasi	1
3. Penentuan jumlah pendapatan	2
4. Penentuan tempoh asas	3
5. Pengiraan pendapatan kasar	3
6. Pengiraan pendapatan/kerugian larasan	4
7. Pengiraan pendapatan berkanun	9
8. Pengiraan pendapatan agregat	14
9. Pengiraan jumlah pendapatan	16
10. Tarikh kuatkuasa	20

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Malaysia**

1. Ketetapan ini menerangkan bagaimana jumlah pendapatan seseorang individu dikira.
2. Peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan pengiraan jumlah pendapatan adalah Seksyen 5, 42, 43 dan 44.
3. Perkataan-perkataan yang diguna pakai dalam Ketetapan ini memberi maksud berikut:
 - 3.1 “Baki perbelanjaan” bagi suatu tahun taksiran berhubung dengan setiap loji, jentera dan bangunan industri yang dibeli/dibina dan digunakan dalam/bagi tujuan perniagaan, adalah kos aset tersebut setelah ditolak segala elaun permulaan, tahunan dan *notional* yang diberikan ke atasnya.
 - 3.2 “Elaun modal” bagi suatu tahun taksiran berhubung dengan setiap loji, jentera dan bangunan industri yang dibeli/dibina dan digunakan dalam/bagi tujuan perniagaan, adalah potongan dalam bentuk elaun permulaan dan/atau elaun tahunan yang diberikan ke atas kos aset tersebut sebagai menggantikan susut nilai yang tidak dibenarkan di dalam mengira pendapatan larasan daripada perniagaan.
 - 3.3 “Elaun permulaan” bagi suatu tahun taksiran berhubung dengan setiap loji, jentera dan bangunan industri yang dibeli/dibina dan digunakan dalam/bagi tujuan perniagaan, adalah elaun yang diberikan ke atas kos aset tersebut dalam tahun pertama ianya dibeli/dibina dan digunakan dalam/bagi tujuan perniagaan dan dikira seperti berikut:
 - loji dan jentera - 20% atas kos loji dan jentera tersebut atau pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan; dan
 - bangunan industri- 10% atas kos bangunan tersebut.
 - 3.4 “Elaun tahunan” bagi suatu tahun taksiran berhubung dengan setiap loji, jentera dan bangunan industri yang dibeli/dibina dan digunakan dalam/bagi tujuan perniagaan, adalah potongan tahunan ke atas kos aset tersebut yang dikira seperti berikut:
 - bagi loji dan jentera -
 - a. Jentera berat dan kenderaan bermotor 20% atas kos
 - b. Loji dan mesin 14% atas kos
 - c. Lain-lain (seperti peralatan pejabat, perabot & kelengkapan) 10% atas kos
 - bagi bangunan industri-
 - a. bangunan yang dibina/dibeli 3% atas kos
 - b. bangunan yang dibeli 3% atas kos; atau pecahan yang dibenarkan jika pecahan itu lebih tinggi daripada 3% atas kos

- 3.5 “Elaun *notional*” bagi suatu tahun taksiran berhubung dengan loji, jentera dan bangunan industri yang dibeli/dibina dan digunakan dalam/untuk tujuan kegunaan perniagaan, adalah elaun tahunan yang kira ke atas aset tersebut tetapi tidak dibenarkan sebagai potongan terhadap pendapatan perniagaan disebabkan ianya tidak dituntut atau ianya tidak digunakan dalam perniagaan.
- 3.6 “Elaun imbangan” adalah kurangan yang terbit apabila harga jualan loji atau jentera atau bangunan industri yang dibeli/dibina dan digunakan dalam/bagi tujuan perniagaan lebih rendah daripada baki perbelanjaannya.
- 3.7 “Kenaan imbangan” adalah lebihan yang terbit apabila harga jualan loji atau jentera atau bangunan industri yang dibeli/dibina dan digunakan dalam/bagi tujuan perniagaan melebihi baki perbelanjaannya. Walau bagaimanapun, amaun berkenaan tidak boleh melebihi jumlah elaun modal yang telah dibenarkan.
- 3.8 “Pecahan yang dibenarkan” adalah pengiraan bagi elaun bangunan industri yang dibeli berdasarkan formula berikut:

$$\frac{1}{(A + 50) - B + 1} \times \text{Kos bangunan}$$

Di mana:

A= tahun taksiran bangunan dibina

B= tahun taksiran bangunan dijual

- 3.9 “Tahun taksiran” adalah tahun kalendar.
- 3.10 “Punca pendapatan” adalah punca pendapatan bercukai yang terdiri daripada:
- laba atau keuntungan daripada suatu perniagaan;
 - laba atau keuntungan daripada suatu penggajian;
 - dividen, faedah atau diskaun;
 - sewaan, royalti atau premium;
 - pencen, anuiti atau bayaran berkala lain; dan
 - laba atau keuntungan yang tidak termasuk di bawah a. hingga e.

4. Penentuan jumlah pendapatan

- 4.1 Di dalam menentukan jumlah pendapatan seseorang individu bagi sesuatu tahun taksiran, Seksyen 5 ACP menetapkan dengan jelas bahawa-
- pertama, tempoh asas bagi setiap punca pendapatan untuk suatu tahun taksiran ditentukan terlebih dahulu; dan

- b. kemudian, peringkat-peringkat pendapatan seperti yang dinyatakan di bawah ini hendaklah dikira bagi setiap punca pendapatan mengikut turutan berikut:
- i. Pendapatan kasar;
 - ii. Pendapatan larasan;
 - iii. Pendapatan berkanun;
 - iv. Pendapatan agregat; dan
 - v. Jumlah pendapatan
- 4.2 Peringkat pendapatan bercukai dan cara bagaimana cukai pendapatan ke atas seseorang individu itu dikira akan dibincangkan dalam satu Ketetapan Umum yang berasingan.
5. Format pengiraan jumlah pendapatan bagi seseorang individu adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
6. **Penentuan tempoh asas**
- Bagi seorang individu, tempoh asas untuk suatu tahun taksiran bagi setiap punca pendapatannya adalah tahun berakhir 31 Disember.
7. **Pengiraan pendapatan kasar**
- 7.1 Seksyen 22 ACP menerangkan bahawa bagi seorang individu, pendapatan kasarnya daripada suatu punca bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran akan ditentukan oleh peruntukan dalam ACP yang khusus diperuntukkan bagi punca tersebut.
- 7.2 Komponen pendapatan kasar daripada suatu punca perniagaan bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran termasuk:
- a. Tunai bagi barang-barang yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan
 - b. Hutang yang terbit daripada barang-barang yang dijual dan perkhidmatan yang diberi;
 - c. Pendapatan berupa barangan;
 - d. Hutang perniagaan yang diperolehi kembali setelah dihapus kira sebagai hutang lapuk; dan
 - e. Pemulihan wang yang diterima berhubung dengan kerugian perniagaan.

7.3 Bagi pendapatan penggajian, komponen pendapatan kasar terdiri daripada:

a. **Perenggan 13(1)(a) ACP**

Upah, gaji, saraan, gaji cuti, fi, komisen, bonus, ganjaran, perkusit atau elaun (dalam bentuk tunai atau barangan) kerana mempunyai atau menjalankan penggajian;

b. **Perenggan 13(1)(b) ACP**

Nilai manfaat berupa barangan (yang tidak boleh ditukar kepada wang) yang disediakan oleh majikan kepada pekerja, tetapi tidak termasuk-

- Kemudahan rawatan perubatan/pergigian;
- Kemudahan penjagaan kanak-kanak;
- Tambang perjalanan bercuti yang tidak melebihi 3 perjalanan dalam negeri dan satu tambang perjalanan luar negara yang tidak melebihi RM3,000 dalam satu tahun;
- Kemudahan yang digunakan semata-mata dalam melaksanakan tugas seperti pakaian seragam.

c. **Perenggan 13(1)(c) ACP**

Nilai manfaat tempat kediaman di Malaysia yang diperuntukkan kepada pekerja oleh/bagi pihak majikan secara percuma atau sebaliknya;

d. **Perenggan 13(1)(d) ACP**

Amaun yang diterima oleh pekerja, sama ada sebelum atau selepas penggajiannya tamat, daripada tabung /kumpulan wang pencen yang tidak diluluskan; dan

e. **Perenggan 13(1)(e) ACP**

Amaun yang diterima oleh pekerja, sama ada sebelum atau selepas penggajiannya tamat, sebagai pampasan kerana hilang pekerjaan.

7.4 Bagi punca pendapatan lain yang bukan perniagaan seperti dividen, faedah, sewa, royalti, pencen/anuti dan lain-lain pendapatan, pendapatan kasar daripada setiap punca tersebut adalah amaun yang terdiri daripada mana-mana jumlah yang diterima atau dianggap sebagai boleh diterima bagi tempoh asas tersebut berhubung dengan punca itu.

8. Pengiraan pendapatan/kerugian larasan

8.1 Pendapatan larasan seseorang individu daripada suatu punca pendapatan bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran adalah pendapatan kasar

daripada punca tersebut ditolak semua perbelanjaan yang boleh dibenarkan di dalam menghasilkan pendapatan itu seperti yang ditetapkan oleh ACP di bawah peruntukan am dan spesifik bagi punca tersebut.

- 8.2 Kerugian larasan daripada sesuatu punca pendapatan bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran akan timbul apabila perbelanjaan yang boleh dibenarkan terhadap punca tersebut melebihi pendapatan kasarnya. Walau bagaimanapun, ACP menetapkan bahawa hanya kerugian larasan daripada punca perniagaan dalam tahun asas itu sahaja yang boleh ditolak daripada semua punca pendapatan lain. Kerugian larasan yang terbit daripada punca-punca bukan perniagaan tidak boleh tolak daripada mana-mana punca pendapatan lain dan akan hangus begitu sahaja.
- 8.3 Pengiraan pendapatan/kerugian larasan bagi punca perniagaan adalah seperti berikut:

	RM	
Pendapatan kasar perniagaan		XX
Tolak:		
Peruntukan am -subseksyen 33(1) ACP		
• Perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata di dalam menghasilkan pendapatan kasar perniagaan		XX
Peruntukan tertentu- seksyen 34, 34A dan 34B ACP		
• Perbelanjaan khusus yang boleh dibenarkan -seksyen 34 ACP		XX
• Perbelanjaan penyelidikan yang diluluskan -seksyen 34A ACP		XX
• Sumbangan kepada institusi penyelidikan yang diluluskan atau bayaran bagi kegunaan perkhidmatan institusi/syarikat penyelidikan yang diluluskan - Seksyen 34B ACP	<u>XX</u>	<u>XX</u>
Pendapatan/kerugian larasan perniagaan		<u>XX</u>

- 8.3.1 Antara perbelanjaan yang boleh dibenarkan di bawah peruntukan am subseksyen 33(1) ACP bagi punca perniagaan adalah seperti berikut-
- a. Upah dan gaji untuk kakitangan.
 - b. Faedah yang dibayar ke atas pinjaman/overdraf yang diambil dan digunakan khusus untuk tujuan perniagaan atau digunakan khusus untuk membeli aset yang digunakan dalam perniagaan.
 - c. Sewa yang dibayar ke atas premis atau tanah yang digunakan dalam perniagaan.
 - d. Perbelanjaan pembaikan ke atas premis, mesin dan jentera, perabot dan kelengkapan yang digunakan dalam perniagaan.

- e. Premium insurans yang dibayar atas polisi yang diambil untuk melindungi tanggungan kerugian/kehilangan aset perniagaan. Walau bagaimanapun, jika peniaga mengambil insurans nyawa untuk diri sendiri atau ahli keluarganya, premium tersebut tidak boleh dibenarkan untuk ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan.
 - f. Yuran guaman dan yuran profesional lain yang dibelanjakan dalam perniagaan seperti yuran bagi perkhidmatan peguam untuk memastikan suatu kontrak perniagaan dilaksanakan atau untuk mendapatkan balik hutang perdagangan.
- 8.3.2 Antara perbelanjaan yang boleh dibenarkan di dalam mengira pendapatan/kerugian larasan perniagaan di bawah peruntukan khusus seksyen 34 ACP bagi punca perniagaan adalah seperti berikut:
- a. Peruntukan khusus hutang ragu perdagangan yang dianggar tidak dapat dipungut lagi (peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk yang bukan berjenis perdagangan adalah tidak dibenarkan sebagai potongan).
 - b. Hutang lapuk perdagangan yang dihapus kira kerana tidak dapat dipungut lagi.
 - c. Caruman kepada KWSP atau skim pencen atau kumpulan wang simpanan pekerja yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, tertakluk kepada maksimum 19% daripada saraan pekerja.
 - d. Perbelanjaan bagi menyediakan sebarang peralatan yang dapat membantu pekerja cacat dalam menjalankan tugasnya.
 - e. Perbelanjaan bagi penterjemahan/penerbitan buku dalam bahasa kebangsaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
 - f. Perbelanjaan yang tidak melebihi RM100,000 bagi menyediakan peralatan perpustakaan dan sumbangan kepada perpustakaan awam, sekolah atau institusi pengajian tinggi.
 - g. Perbelanjaan yang dilakukan oleh majikan bagi menyediakan dan menyelenggarakan pusat penjagaan kanak-kanak untuk manfaat pekerja.
 - h. Perbelanjaan yang dilakukan bagi menyediakan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada mana-mana projek kebajikan atau kemasyarakatan berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, perumahan, infrastruktur, teknologi maklumat dan komunikasi yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.
 - i. Sumbangan bagi menubuhkan dan menyelenggarakan kumpulan muzik atau kebudayaan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

- j. Perbelanjaan yang tidak melebihi RM300,000 bagi menaja aktiviti kesenian dan kebudayaan yang diluluskan oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan dengan syarat jumlah perbelanjaan bagi penajaan aktiviti kesenian dan kebudayaan asing tidak melebihi RM200,000.
- k. Perbelanjaan latihan amali berhubung dengan perniagaan pembayar cukai kepada individu pemastautin yang bukan pekerjanya.

8.3.3 Kerugian larasan daripada suatu punca perniagaan bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran wujud apabila perbelanjaan yang dibenarkan terhadap punca perniagaan itu melebihi pendapatan kasarnya. Kerugian larasan ini boleh ditolak daripada semua punca pendapatan lain iaitu di peringkat pendapatan agregat.

8.4 Bagi punca penggajian, pengiraan pendapatan larasan adalah seperti berikut:

	RM
Pendapatan kasar penggajian - perenggan 13(1)(a) hingga (e) ACP	XX
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	
Peruntukan am - subseksyen 33(1) ACP	
Perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata di dalam menghasilkan pendapatan kasar penggajian	XX
Peruntukan tertentu -seksyen 38 & 38A ACP	
Bayaran sewa premis/perabot/kadar awam/premium insurans tempat kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja	XX
Perbelanjaan keraian (terhad kepada elaun keraian yang diterima)	<u>XX</u> <u>XX</u>
Pendapatan larasan penggajian	<u>XX</u>

Tuntutan ke atas bayaran premium insurans dan caruman KWSP boleh dibuat dengan mengisi ruangan D15 dalam Borang Cukai Pendapatan BE dan B.

8.4.1 Perbelanjaan yang boleh dibenarkan di dalam mengira pendapatan larasan bagi punca penggajian adalah perbelanjaan yang dilakukan di dalam menjalankan kerja, iaitu:

- a. Perbelanjaan perjalanan yang ditanggung oleh individu dalam menjalankan tugas sebagai seorang pekerja.
- b. Yuran tahunan kepada badan profesional di mana keahlian tersebut adalah relevan untuk menjalankan tugas.

- c. Perbelanjaan keraian yang ditanggung oleh individu untuk meraikan pelanggan yang sedia ada bagi pihak majikan. Walau bagaimanapun, ia adalah terhad kepada elaun keraian yang dibayar oleh majikan.

- 8.5 Bagi punca pendapatan lain yang bukan perniagaan (seperti dividen, faedah, sewa, royalti, premium dan lain-lain), pengiraan pendapatan/kerugian larasan bagi setiap punca pendapatan tersebut adalah seperti berikut:

Pendapatan kasar	RM
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan	XX
Peruntukan am - subseksyen 33(1) ACP	
Perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata di dalam menghasilkan pendapatan kasar daripada punca tersebut	XX
Pendapatan/kerugian larasan	<u>XX</u>

- 8.5.1 Bagi punca-punca pendapatan ini, jika terdapat kerugian larasan bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, kerugian ini tidak boleh ditolak daripada mana-mana punca pendapatan lain dan ia akan terhapus begitu sahaja.

- 8.6 Di dalam mengira pendapatan larasan bagi setiap punca pendapatan, terdapat beberapa perbelanjaan yang dilarang oleh seksyen 39 ACP. Contoh perbelanjaan tersebut adalah:

- Bayaran atau perbelanjaan persendirian seperti gaji kepada pembantu rumah, perbelanjaan perjalanan dari rumah ke tempat perniagaan, pengeluaran wang daripada perniagaan untuk kegunaan peribadi.
- Modal yang dikeluarkan atau sebarang jumlah wang yang digunakan atau bertujuan digunakan sebagai modal, misalnya bayaran untuk membeli aset tetap atau aset persendirian seperti rumah kediaman, kereta dan saham.
- Perbelanjaan tambang percutian percuma yang disediakan kepada pekerja ke destinasi dalam atau luar negara.
- Dalam kes punca perniagaan sahaja, 50% daripada perbelanjaan keraian termasuk elaun keraian yang dibayar kepada pekerja.
- Susut nilai aset tetap.
- Bayaran sewa kenderaan bermotor (bukan komersial) yang melebihi RM50,000. Bagi kes yang telah memenuhi syarat kenderaan baru (bukan kenderaan yang "reconditioned") dan tidak pernah digunakan untuk sebarang tujuan sebelum disewakan serta jumlah kos kenderaan tersebut tidak melebihi RM150,000, sewa yang melebihi RM100,000 tidak dibenarkan.

- 8.7 Rekod dan dokumen berhubung segala tuntutan terhadap perbelanjaan dilakukan dalam mengira pendapatan larasan bagi sesuatu punca pendapatan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun dari akhir tahun taksiran yang mana Borang Cukai Pendapatan dikemukakan sebagai bukti apabila kes tersebut diaudit.

9. Pengiraan pendapatan berkanun

- 9.1 Pendapatan berkanun untuk suatu tahun taksiran hendaklah dikira bagi setiap punca pendapatan (Seksyen 42 ACP).
- 9.2 Pendapatan berkanun daripada suatu punca perniagaan bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran dikira seperti berikut:

	RM	
Pendapatan larasan		XX
Campur: Kenaan Imbangan		<u>XX</u>
		XX
Tolak: Elaun imbangan	XX	
Elaun modal	<u>XX</u>	<u>XX</u>
Pendapatan berkanun		<u>XX</u>

Contoh 1

Encik A mempunyai satu punca perniagaan dan maklumat berhubung dengan perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31.12.2004 adalah seperti berikut:

	RM
Pendapatan larasan daripada punca perniagaan	100,000
Kenaan imbangan	15,000
Elaun modal	20,000

Pendapatan berkanun daripada perniagaan untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	RM
<i>Pendapatan larasan</i>	<i>100,000</i>
<i>Campur: Kenaan imbangan</i>	<i><u>15,000</u></i>
	<i>115,000</i>
<i>Tolak: Elaun modal</i>	<i><u>20,000</u></i>
<i>Pendapatan berkanun</i>	<i><u>95,000</u></i>

- 9.3 Pendapatan berkanun daripada perniagaan bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran masih boleh wujud walaupun terdapat kerugian larasan bagi punca perniagaan tersebut, jika kenaan imbangan perniagaan melebihi elaun modalnya.

Contoh 2

Encik B mempunyai suatu punca perniagaan dan maklumat berhubung dengan perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31.12.2004 adalah seperti berikut:

	RM
Kerugian larasan perniagaan	(50,000)
Kenaan imbangan	10,000
Elaun modal	5,000
<i>Pendapatan berkanun daripada perniagaan untuk tahun taksiran 2004 adalah:</i>	

		RM
<i>Pendapatan larasan perniagaan</i>	<i>(rugi 50,000)</i>	<i>TIADA</i>
<i>Campur: Kenaan imbangan</i>		<u>10,000</u>
		<u>10,000</u>
<i>Tolak: Elaun modal</i>		<u>5,000</u>
<i>Pendapatan berkanun</i>		<u>5,000</u>
<i>Catatan:</i>		

Kerugian (RM50,000) adalah kerugian yang dialami dalam tahun asas. Mengikut subseksyen 44(1) ACP, kerugian ini boleh ditolak daripada pendapatan agregat bagi tempoh asas (1.1.2004-31.12.2004) untuk tahun taksiran 2004 oleh Encik B di dalam mengira jumlah pendapatannya.

- 9.4 Di dalam mengira pendapatan berkanun daripada suatu punca perniagaan, jika terdapat elaun modal yang tidak dapat diserap oleh pendapatan larasan daripada perniagaan tersebut, elaun modal yang tidak dapat diserap itu akan dibawa ke hadapan dan dibenarkan di dalam mengira pendapatan berkanun perniagaan daripada punca yang sama untuk tahun taksiran berikutnya.

Contoh 3

Encik C mempunyai pendapatan daripada punca-punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004 dan 31.12.2005.

	Tahun berakhir	
	31.12.2004	31.12.2005
	Tahun taksiran	
	2004 - RM	2005 - RM
Perniagaan:		
Pendapatan larasan	3,000	10,000
Elaun modal untuk tahun taksiran	4,700	5,000
Sewa:		
Pendapatan larasan	24,000	28,000



**PENGIRAAN JUMLAH PENDAPATAN
BAGI INDIVIDU**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 1/2005
Tarikh Keluaran: 5 Februari 2005**

Pendapatan berkanun daripada setiap punca untuk tahun taksiran 2004 dan 2005 dikira seperti berikut:

	Tahun taksiran	
	2004 - RM	2005 - RM
<i>Perniagaan:</i>		
<i>Pendapatan larasan</i>	3,000	10,000
<i>Tolak:</i>		
<i>Elaun modal</i>	4,700	T/T2005 5,000
		<i>b/h dari</i>
<i>Terhad kpd</i>	<u>3,000</u>	T/T2004 <u>1,700</u>
<i>Elaun modal h/h ke T/T2005</i>	1,700 ¹	<u>6,700</u>
<i>Pendapatan berkanun</i>	<u>Tiada</u>	<u>3,300</u>
<i>Sewa:</i>		
<i>Pendapatan larasan/ berkanun</i>	<u>24,000</u>	<u>28,000</u>

Catatan:

¹ *Elaun modal RM1,700 yang tidak dapat ditolak daripada punca perniagaan akan dihantar ke hadapan ke tahun taksiran 2005 dan hanya boleh ditolak daripada punca perniagaan yang sama.*

- 9.5 Pendapatan berkanun daripada setiap punca bukan perniagaan bagi suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran adalah amaun penuh pendapatan daripada punca tersebut setelah ditolak dengan mana-mana perbelanjaan yang boleh dibenarkan mengikut ACP. Dengan erti kata lain, pendapatan berkanun daripada sesuatu punca bukan perniagaan adalah pendapatan larasan bagi tempoh asas untuk tahun taksiran tersebut. Oleh yang demikian,

**Pendapatan larasan
daripada punca bukan
perniagaan = Pendapatan berkanun
daripada punca bukan
perniagaan**

Contoh 4

Encik D adalah seorang pengurus kanan di Syarikat ABC Sdn Bhd. di Kuala Lumpur. Beliau mempunyai pendapatan penggajian seperti berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004:

Gaji	RM 120,000
Elaun perjalanan	24,000
Elaun keraian	<u>12,000</u>
	<u>156,000</u>

Encik D membuat tuntutan berikut-

- a. Membelanjakan kesemua RM24,000 elaun perjalanan yang diberikan kepadanya oleh majikan untuk melawat kilang-kilang syarikat bagi memastikan kelicinan operasi kilang-kilang tersebut; dan
- b. Membelanjakan RM13,000 bagi tujuan meraikan pelanggan syarikat sedia ada.

Pendapatan berkanun daripada penggajian untuk tahun taksiran 2004 adalah:

	RM
<i>Gaji</i>	120,000
<i>Elaun perjalanan</i>	24,000
<i>Elaun keraian</i>	<u>12,000</u>
	156,000
 <i>Tolak: Perbelanjaan subseksyen 33(1) dan seksyen 38A ACP</i>	
<i>Perjalanan</i>	24,000
<i>Keraian (terhad kepada elaun keraian)</i>	<u>12,000</u> <u>36,000</u>
<i>Pendapatan larasan/berkanun</i>	<u>120,000</u>

Catatan:

- i. *Perbelanjaan keraian yang dilakukan oleh Encik D untuk meraikan pelanggan syarikat yang sedia ada adalah dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP dengan syarat keraian tersebut dibuat di dalam menjalankan tugasnya. Walau bagaimanapun, menurut seksyen 38A ACP, amaun perbelanjaan keraian yang boleh dibenarkan adalah dihadkan kepada amaun elaun yang diterima.*
- ii. *Perbelanjaan perjalanan yang ditanggung oleh Encik D dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) ACP dengan syarat jumlah yang dibelanjakan adalah semasa menjalankan tugas penggajian beliau dan disahkan oleh majikan. Perbelanjaan perjalanan persendirian seperti perbelanjaan perjalanan yang dilakukan dari rumah ke pejabat adalah tidak dibenarkan.*

Contoh 5

Encik E, seorang pengurus projek di sebuah syarikat projek pengurusan, mempunyai maklumat-maklumat berikut berhubung pendapatan daripada punca-punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004:

Penggajian:	RM
Gaji	84,000
Elaun perjalanan	12,000
Elaun keraian	6,000

Sewa:

Pendapatan kasar 24,000

Dividen:

Pendapatan kasar 1,000

Encik E membuat tuntutan ke atas perbelanjaan berikut:

Bagi pendapatan penggajian:

- i. RM12,000 untuk melawat tapak projek pembinaan; dan
- ii. RM7,200 untuk meraikan pelanggan syarikat.

Bagi pendapatan sewa:

- i. RM6,000 ke atas faedah pinjaman perumahan; dan
- ii. RM1,200 ke atas taksiran (cukai pintu) dan cukai tanah.

Bagi pendapatan dividen:

- i. RM1,500 ke atas faedah pinjaman yang diambil untuk membeli saham.

Pendapatan berkanun daripada setiap punca untuk tahun taksiran 2004 adalah:

Penggajian:	RM
<i>Pendapatan kasar (84,000 +12,000 +6,000)</i>	<i>102,000</i>
<i>Tolak: Perbelanjaan dibenarkan -subseksyen 33(1) dan 38A ACP</i>	
<i>Perjalanan</i>	<i>12,000</i>
<i>Keraian (dihadkan kepada elaun diterima)</i>	<i><u>6,000</u> <u>18,000</u></i>
<i>Pendapatan berkanun penggajian</i>	<i><u>84,000</u></i>
Sewa:	
<i>Pendapatan kasar</i>	<i>24,000</i>
<i>Tolak: Perbelanjaan dibenarkan subseksyen 33(1) ACP</i>	
<i>Faedah pinjaman</i>	<i>6,000</i>
<i>Taksiran dan cukai tanah</i>	<i><u>1,200</u> <u>7,200</u></i>
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>	<i><u>16,800</u></i>
Dividen:	
<i>Pendapatan kasar</i>	<i>1,000</i>
<i>Tolak: Perbelanjaan dibenarkan</i>	
<i>Faedah pinjaman -peruntukan am subseksyen 33(1) ACP</i>	<i><u>1,500</u></i>
<i>Kerugian larasan</i>	<i><u>(500)</u></i>
<i>∴ Pendapatan berkanun dividen</i>	<i><u>TIADA</u></i>

Catatan:

Kerugian larasan (RM500) daripada punca dividen tidak boleh ditolak daripada mana-mana punca pendapatan lain dan ia akan hangus begitu sahaja.

10. Pengiraan pendapatan agregat

10.1 Pengiraan pendapatan agregat ditentukan di bawah seksyen 43 ACP. Pendapatan agregat seseorang individu untuk suatu tahun taksiran dikira seperti berikut:

- a. Pertama, agregatkan semua pendapatan berkanun daripada setiap punca perniagaan untuk suatu tahun taksiran;
- b. Kedua, tolak kerugian perniagaan yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun taksiran yang terdahulu yang tidak dapat tolak daripada mana-mana punca pendapatan; dan
- c. Ketiga, campur dengan perkara berikut yang diterima untuk tahun taksiran yang sama:
 - i. setiap punca pendapatan berkanun bukan perniagaan (penggajian, dividen, faedah, diskaun, sewa, royalti, premium, pencen, anuiti dan pendapatan lain) yang diperolehi;
 - ii. amaun diterima berkaitan perbelanjaan mencarigali yang layak di bawah Jadual 4 ACP; dan
 - iii. amaun diterima berkaitan perbelanjaan ladang yang layak di bawah Jadual 4A ACP.

Contoh 6

Encik F mempunyai pendapatan daripada punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004:

	RM	
Pendapatan larasan daripada perniagaan	55,000	
Elaun modal	10,000	
Kenaan imbangan	2,500	
Pendapatan larasan daripada penggajian	36,000	
Pendapatan larasan daripada sewa	2,400	
<i>Pengiraan pendapatan agregat untuk tahun taksiran 2004 adalah seperti berikut:</i>		

<i>Pendapatan larasan perniagaan</i>	<i>RM</i>	
	<i>55,000</i>	
<i>Campur: Kenaan imbangan</i>	<i>2,500</i>	
	<i>57,500</i>	
<i>Tolak: Elaun modal</i>	<i>10,000</i>	
<i>Pendapatan berkanun perniagaan</i>	<i>47,500</i>	
<i>Pendapatan berkanun penggajian</i>	<i>36,000</i>	
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>	<i>2,400</i>	
<i>Pendapatan agregat</i>	<u><i>85,900</i></u>	

Contoh 7

Encik G mempunyai pendapatan/kerugian daripada punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004:

	RM
Pendapatan lapisan perniagaan I	40,000
Elaun modal	8,000
Kenaan imbalan	10,000
Kerugian lapisan perniagaan II	(7,500)
Elaun modal	5,000
Elaun imbalan	2,300
Kenaan imbalan	3,000
Pendapatan lapisan penggajian	12,000
Kerugian lapisan sewa	(2,400)

Encik G juga mempunyai kerugian perniagaan yang dibawa ke hadapan dari tahun taksiran 2003 sebanyak RM5,500.

Pengiraan pendapatan agregat untuk tahun taksiran 2004 adalah seperti berikut:

	RM
<i>Pendapatan lapisan</i>	<i>40,000</i>
<i>Campur: Kenaan imbalan</i>	<i><u>10,000</u></i>
	<i>50,000</i>
<i>Tolak: Elaun modal</i>	<i><u>8,000</u></i>
<i>Pendapatan berkanun perniagaan I</i>	<i>42,000</i>
<i>Pendapatan lapisan</i> (rugi 7,500) ¹	<i>TIADA</i>
<i>Campur: Kenaan imbalan</i>	<i><u>3,000</u></i>
	<i>3,000</i>
<i>Tolak: Elaun modal</i> 5,000	
<i>Elaun imbalan</i> <u>2,300</u>	
	<i>7,300</i> terhadap kepada
<i>Elaun modal h/h ke tahun taksiran 2005=</i> 4,300	<i><u>3,000</u></i>
<i>Pendapatan berkanun perniagaan II</i>	<i>TIADA</i>
<i>Agregat pendapatan berkanun punca perniagaan</i>	<i>42,000</i>
<i>Tolak:</i>	
<i>Kerugian tahun lepas -subseksyen 43(2) ACP</i>	<i><u>5,500</u></i>
<i>Pendapatan punca-punca perniagaan</i>	<i>36,500</i>
<i>Pendapatan berkanun penggajian</i>	<i>12,000</i>
<i>Pendapatan berkanun sewa</i> ²	<i>TIADA</i>
<i>Pendapatan agregat</i>	<i><u>48,500</u></i>

Catatan:

- ¹ Rugi sebanyak RM7,500 adalah kerugian bagi tahun asas. Kerugian ini boleh ditolak di dalam mengira jumlah pendapatan Encik G.
- ² Rugi sewa sebanyak RM2,400 tidak boleh diberi tolakan.

11. Pengiraan jumlah pendapatan

11.1 Bagaimana jumlah pendapatan dikira adalah diterangkan di bawah seksyen 44 ACP. Jumlah pendapatan seorang individu untuk suatu tahun taksiran adalah pendapatan agregat untuk tahun taksiran tersebut ditolak dengan potongan-potongan tertentu mengikut turutan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 11.2 sehingga 11.4 dalam Ketetapan Umum ini.

11.2 Potongan pertama: kerugian larasan perniagaan tahun asas (subseksyen 44(2) ACP)

Kerugian larasan daripada suatu punca perniagaan atau punca-punca perniagaan bagi tahun asas yang bersesuaian dengan tahun taksiran tersebut adalah potongan pertama yang dibenarkan terhadap pendapatan agregat di dalam mengira jumlah pendapatan untuk suatu tahun taksiran bagi seorang individu. Jika kerugian larasan tersebut tidak dapat dibenarkan sepenuhnya terhadap pendapatan agregat daripada semua punca, baki kerugian yang tidak dapat dibenarkan itu akan dihantar ke tahun hadapan untuk ditolak daripada agregat pendapatan berkanun daripada punca perniagaan sahaja.

Contoh 8

Encik H mempunyai pendapatan daripada punca berikut bagi tahun berakhir 31.12.2004 dan 31.12.2005:

	Tahun berakhir	
	31.12.2004	31.12.2005
	RM	
Perniagaan I:		
Kerugian larasan	(10,000)	(5,000)
Kenaimbangan	5,000	Tiada
Elaun modal	4,000	1,000
Perniagaan II:		
Pendapatan larasan	5,000	8,000
Elaun modal	7,000	2,000
Dividen: pendapatan larasan	2,000	1,000
Sewa: pendapatan larasan	4,000	6,000

Jumlah pendapatan untuk tahun taksiran 2004 dan 2005 dikira seperti berikut:

	Tahun taksiran	
	2004	2005
Perniagaan 1		
<i>Pendapatan larasan (rugi 10,000)</i>	<i>Tiada</i>	<i>(rugi 5,000) Tiada</i>
<i>Campur: Kenaan imbalan</i>	<u>5,000</u>	
	<u>5,000</u>	
<i>Tolak: Elaun modal</i>	<u>4,000</u>	<u>Tiada¹</u>
Pendapatan berkanun	1,000	<i>Tiada</i>
Perniagaan II		
<i>Pendapatan larasan</i>	5,000	8,000
<i>Tolak: Elaun modal</i>	7,000	2,000
<i>Terhad kepada</i>	<u>5,000</u>	<u>5,000</u>
<i>Elaun modal h/h</i>	2,000	
<i>Elaun modal b/h</i>		<u>2,000</u>
Pendapatan berkanun	<u>Tiada</u>	<u>4,000</u>
Agregat pendapatan berkanun perniagaan	1,000	4,000
<i>Tolak: Rugi b/h</i>	<u>Tiada</u>	<u>3,000</u>
Pendapatan daripada punca perniagaan	1,000	1,000
<i>Campur:</i>		
<i>Pendapatan berkanun dividen</i>	2,000	1,000
<i>Pendapatan berkanun sewa</i>	<u>4,000</u>	<u>6,000</u>
Pendapatan agregat	7,000	8,000
<i>Tolak:</i>		
<i>Rugi t/asas subseksyen 44(2) ACP</i>	10,000	<u>5,000</u>
<i>Terhad kepada</i>	<u>7,000</u>	<u>7,000</u>
<i>Kerugian h/h</i>	3,000	
Jumlah pendapatan	<u>Tiada</u>	<u>3,000</u>

¹ Elaun modal sebanyak RM1,000 yang tidak dibenarkan dihantar ke hadapan ke tahun yang berikutnya dan diberi potongan terhadap pendapatan larasan daripada punca perniagaan yang sama.

11.3 Potongan kedua: potongan perbelanjaan mencarigali yang layak (Jadual 4 ACP) dan perbelanjaan ladang yang layak (Jadual 4A ACP)

Dalam mengira jumlah pendapatan seorang individu untuk suatu tahun taksiran, perbelanjaan mencarigali yang layak untuk mendapatkan akses kepada timbunan galian dan perbelanjaan ladang yang layak akan ditolak daripada pendapatan agregat selepas potongan diberi terhadap kerugian tahun asas di bawah subseksyen 44(2) ACP.

11.4 Potongan ketiga: hadiah atau sumbangan (subseksyen 44(6) hingga 44(11) ACP)

Kategori ketiga ini terdiri daripada hadiah atau sumbangan yang dibuat dalam tahun asas dalam bentuk wang, barangan, peralatan, artifak, manuskrip atau lukisan.

11.4.1 Hadiah wang tunai

- i. Hadiah wang tunai dibuat dalam tahun asas untuk suatu tahun taksiran kepada-
 - Kerajaan Persekutuan;
 - Kerajaan Negeri;
 - Kuasa Tempatan; atau
 - institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di atas permohonan institusi atau organisasi itu sendiri. Ketua Pengarah akanewartakan nama institusi atau organisasi itu di dalam Warta Kerajaan selepas permohonan diluluskan.

Individu yang menderma wang tunai kepada mana-mana badan di atas layak diberikan potongan bersamaan dengan amaun yang didermakan itu.

- ii. Hadiah wang tunai tidak melebihi RM20,000 untuk membina atau melengkapkan perpustakaan awam, perpustakaan sekolah dan perpustakaan institusi pendidikan tinggi, dengan syarat tuntutan bagi perbelanjaan yang sama tidak dibuat di bawah perenggan 34(6)(g) ACP di dalam mengira pendapatan larasan perniagaan.
- iii. Wang tunai disumbangkan untuk kos rawatan perubatan penyakit serius bagi individu yang disalurkan melalui tabung atau akaun amanah yang ditubuhkan bertujuan untuk memberi bantuan kepada individu tersebut.

11.4.2 Hadiah atau sumbangan dalam bentuk artifak, manuskrip atau lukisan

- i. Hadiah dalam bentuk artifak, manuskrip atau lukisan yang dibuat kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, yang mana amaun bersamaan dengan nilai hadiah tersebut seperti mana ditentukan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti atau Arkib Negara layak diberi potongan dalam mengira jumlah pendapatan - subseksyen 44(6A) ACP.
- ii. Hadiah dalam bentuk lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau Balai Seni Lukis Negeri yang mana amaun bersamaan dengan nilai hadiah tersebut seperti mana ditentukan oleh balai

seni lukis berkenaan layak diberi potongan dalam mengira jumlah pendapatan - subseksyen 44(11) ACP.

11.4.3 Sumbangan untuk orang cacat

Hadiah wang tunai atau sumbangan dalam bentuk barangan (yang mana nilainya ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan) yang dibuat dalam tahun asas bagi memperuntukkan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang cacat layak diberi potongan - subseksyen 44(9) ACP.

11.4.4 Sumbangan kepada pusat kesihatan

Hadiah wang tunai atau hadiah dalam bentuk peralatan perubatan (di mana nilainya akan ditentukan oleh Kementerian Kesihatan) yang dibuat dalam tahun asas kepada pusat kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, potongan yang dibenarkan dihadkan kepada maksimum RM20,000 - subseksyen 44(10) ACP.

11.4.5 Bukti bayaran

Resit berhubung dengan hadiah atau sumbangan yang dibuat hendaklah disimpan dengan rapi selama tujuh (7) tahun dari akhir tahun taksiran yang mana Borang Cukai Pendapatan dikemukakan bagi tujuan audit.

11.4.6 Cara potongan dibenarkan

Di dalam mengira jumlah pendapatan, potongan ke atas hadiah, derma atau sumbangan hanya boleh dibenarkan sekiranya terdapat pendapatan agregat selepas diberi potongan terhadap kerugian tahun asas di bawah subseksyen 44(2) ACP, potongan bagi perbelanjaan di bawah Jadual 4 dan 4A ACP. Jika tiada pendapatan agregat selepas diberi potongan atas kerugian tahun asas subseksyen 44(2) ACP, potongan atas perbelanjaan Jadual 4 dan 4A ACP, derma yang tidak dapat ditolak itu akan hangus dan tidak boleh dibawa ke hadapan.

Contoh 9

Dengan menggunakan maklumat yang ada dalam Contoh 8, jika Encik H mendermakan kepada sebuah institusi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah seperti berikut:

- RM1,000 dalam tahun berakhir 31.12.2004; dan
- RM6,000 dalam tahun berakhir 31.12.2005,



**PENGIRAAN JUMLAH PENDAPATAN
BAGI INDIVIDU**

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
MALAYSIA**

**Ketetapan Umum No. 1/2005
Tarikh Keluaran: 5 Februari 2005**

jumlah pendapatan Encik H untuk tahun taksiran 2004 dan 2005 dikira seperti berikut:

	Tahun taksiran	
	2004	2005
		RM
<i>Pendapatan agregat</i>	7,000	8,000
<i>Tolak:</i>		
<i>Kerugian tahun asas- subseksyen 44(2) ACP terhad kepada</i>	<u>7,000</u>	<u>5,000</u>
<i>Derma -subseksyen 44(6) ACP</i>	<u>Tiada</u>	<u>3,000</u>
<i>Jumlah pendapatan</i>	<u>Tiada</u>	<u>Tiada</u>

Catatan:

- i. *Derma RM1,000 untuk tahun taksiran 2004 tidak dapat ditolak dan hangus disebabkan tiada lebihan pendapatan selepas pemberian potongan bagi kerugian tahun asas di bawah subseksyen 44(2)ACP.*
- ii. *Derma RM6,000 untuk tahun taksiran 2005 hanya boleh diberi potongan sekadar RM3,000 iaitu setakat mana adanya lebihan pendapatan selepas pemberian potongan bagi kerugian tahun asas di bawah subseksyen 44(2) ACP.*

12. Ketetapan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2004 dan tahun taksiran seterusnya.

Ketua Pengarah
Hasil Dalam Negeri

